

Negara Malaysia

Pinjaman asing perlu dan berfaedah

DALAM kempen-kempennya, parti-parti pembangkang telah mengkritik kerajaan kerana membuat pinjaman dari luar negeri. Mereka mendakwa pinjaman-pinjaman serupa ini hanya akan melibatkan rakyat dengan hutang negara yang banyak. Mereka juga menakut-nakutkan rakyat kononnya negara tidak akan mampu membayar hutangnya yang semakin bertambah itu.

Ucapan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, melalui Radio Malaysia kelmarin dan ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika merasmikan kompleks LPN di Perak telah menjelaskan kedudukan yang sebenarnya.

Seperti kata Dr. Mahathir, pinjaman asing adalah perlu kerana wang yang dikumpulkan dari berbagai sumber dalam negeri tidak mencukupi bagi membiayai rancangan-rancangan pembangunan. Jika kita tidak berhutang dari luar negeri bererti sebahagian dari rancangan pembangunan untuk faedah rakyat itu tidak dapat dijalankan. Dengan itu kita terpaksa memilih sama ada hendak berpuas hati dengan pembangunan yang perlahan menurut kemampuan kewangan dalam negeri saja ataupun meminjam untuk kemajuan yang pesat.

Dakwaan bahawa kerajaan tidak akan mampu membayar semula pinjaman-pinjamannya itu ternyata pula suatu tohmah yang meleset. Bahawa bank-bank dan negara-negara asing terus bersedia memberikan pinjaman yang banyak dengan faedah yang rendah kepada kemampuan kita. Negara-negara asing itu tidak dengan mudah saja bersedia memberi pinjaman tanpa membuat penelitian yang rapi tentang kekuatan kewangan kita serta kestabilan ekonomi negara.

Dengan pentadbiran ekonomi yang baik oleh sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, rakyat tidak perlu bimbang tentang hutang negara. Ia akan dibayar semula melalui hasil dari kemajuan pesat yang sebahagian besarnya dimungkinkan oleh pinjaman-pinjaman dari luar negeri itu.